

26 NOV 1998

Zaleha-Sikap

IBU BAPA TANAM SIKAP NEGATIF PADA ANAK-ANAK DITEGUR

KUALA LUMPUR, 26 Nov (Bernama) -- Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datin Paduka Zaleha Ismail hari ini menegur perbuatan sesetengah ibu bapa yang menanam sikap negatif di kalangan anak-anak mereka.

Perbuatan itu hanya akan melahirkan generasi yang agresif dan merugikan agama, bangsa dan negara, kata beliau.

Beliau berkata segala kejayaan serta kemajuan yang dicapai menerusi kepimpinan yang ada sekarang akan sia-sia apabila generasi yang mewarisinya kelak bersifat ganas, tidak berdisiplin dan rendah moral.

Justeru ibu bapa seharusnya mementingkan pendidikan moral yang tinggi terhadap anak masing-masing agar mereka akan membesar sebagai warganegara yang sihat daripada segi rohani dan jasmani, katanya.

"Ini perlu bagi menentukan prinsip keharmonian kaum di negara ini yang mementingkan sikap saling hormat menghormati dapat terus dikekalkan," kata Zaleha kepada pemberita selepas melancarkan Hari Keluarga Kebangsaan dan Antarabangsa 1998 di sini.

Baru-baru ini Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan terdapat sesetengah kalangan ibu bapa dan guru yang menanamkan perasaan benci kepada pemimpin negara di kalangan anak-anak.

Zaleha berkata adalah tidak wajar bagi ibu bapa mewariskan sikap negatif diri mereka kepada anak masing-masing kerana ini akan hanya merugikan diri sendiri terutama apabila anak-anak bersikap agresif, kurang ajar dan tidak menghormati orang tua apabila dewasa kelak.

Terdahulu, beliau berkata institusi kekeluargaan kini menghadapi cabaran getir dalam mengekalkan konsep keluarga bahagia ekoran kegawatan ekonomi dan sosial yang berlaku sekarang.

Zaleha berkata kajian kementerian menunjukkan bahawa keluarga yang tidak berupaya menghadapi cabaran dan tekanan hidup merupakan penyumbang utama kepada peningkatan gejala negatif seperti keretakan keluarga, keganasan rumah tangga, penceraian, penggunaan dadah, seks bebas, pelacuran, pembuangan bayi dan AIDS.

Katanya di bawah Pelan Induk Tindakan Sosial (Pintas), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara melaksanakan beberapa modul latihan yang ditujukan kepada beberapa golongan sasaran seperti golongan kanak-kanak, remaja serta ibu bapa bagi pembentukan sikap kekeluargaan yang positif.

Pada majlis itu Zaleha menyampaikan hadiah kepada peserta Malaysia yang memenangi pertandingan lukisan Hari Keluarga peringkat antarabangsa yang diadakan di New York baru-baru ini.

Mohd Shafiq Abdul Jalal dari Sekolah Kebangsaan Taming Jaya, Seri Kembangan dekat sini muncul sebagai johan bagi kategori berumur sembilan hingga 12 tahun, manakala Ooi Chun Gee dari Sekolah Kebangsaan St Michael, Kedah memenangi tempat kedua bagi kategori 16 hingga 18 tahun.

-- BERNAMA

AKT NMO